

25/06/1999

BN gerak jentera pilihan raya (HL)

M Thillinadan; Kadir Dikoh

KUALA LUMPUR, Khamis - Semua parti komponen Barisan Nasional (BN) hari ini diarah menggerakkan jentera pilihan raya mereka serta-merta bagi menghadapi pilihan umum, yang akan diadakan bila-bila masa.

Pengerusinya, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, mahu semua pemimpin parti komponen melupakan sebarang perselisihan faham antara parti, jika ada, agar masa dan tenaga dapat digembleng bagi memastikan kemenangan BN.

"Seperti juga nasihat saya kepada Umno, saya mahu semua pemimpin parti komponen BN simpan atau bekukan apa saja masalah antara mereka dengan parti mereka sehingga selepas pilihan raya.

"Saya juga meminta mereka tidak membingang atau menimbulkan isu mengenai soal pemilihan calon atau peruntukan kerusi, sehingga masa yang sesuai. Mereka bersetuju mengetepikan semua perselisihan dan merapatkan barisan.

"Dengan itu, mereka dapat memastikan BN turun sebagai parti yang kukuh dan bersatu padu," katanya dalam sidang akhbar selepas mempengerusikan mesyuarat Dewan Tertinggi BN, di sini hari ini.

Mesyuarat lebih dua jam itu dihadiri pemimpin semua 14 parti komponen kecuali MIC yang diwakili Timbalan Presidennya, Datuk S Subramaniam kerana Datuk Seri S Samy Vellu berada di luar negara.

Membayangkan pilihan raya umum akan diadakan tidak lama lagi dan kerana itu parti komponen tidak harus membuang masa, Dr Mahathir berkata pemilihan calon akan dibuat mengikut cara BN, yang memberi kuasa mutlak kepadanya sebagai presiden, membuat keputusan muktamad.

Melalui cara itu, katanya, semua parti komponen akan mementingkan jentera pilihan raya dan menyokong semua calon yang dipilih.

Kali terakhir pilihan raya umum diadakan ialah pada April 1995. Tempoh kerajaan sekarang berakhir pada 7 Jun 2000 dan Parlimen akan terbubar secara automatik pada tarikh itu.

Mengikut Perlembagaan Persekutuan, pilihan raya mesti diadakan dalam tempoh 60 hari dari tarikh pembubaran dan jika dikira dari tarikh akhir tempoh Parlimen, pilihan raya perlu diadakan selewat-lewatnya 6 Ogos 2000.

Dr Mahathir berkata, mesyuarat hari ini tertumpu kepada persiapan BN menghadapi pilihan raya dan memberi peluang kepada pemimpin bertukar pandangan mengenai isu yang mungkin digunakan dalam pilihan raya kali ini.

Beliau berkata, dua isu utama yang dijangka menarik perhatian dalam pilihan raya umum akan datang ialah pembangunan luar bandar dan ekonomi.

"Luar bandar sentiasa diberi keutamaan kerana selama ini pun ia menjadi kekuatan BN. Kita mahu selesaikan semua masalah luar bandar, termasuk pendidikan, supaya apabila pilihan raya nanti, ia sudah pun diselesaikan.

"Selain itu, ekonomi turut menjadi isu. Kita berjaya mengatasi kegawatan ekonomi dan sudah tentu kita berpendapat ini satu isu yang boleh menarik sokongan rakyat kepada BN," katanya.

Mengenai tempoh berkempen kali ini, Perdana Menteri berkata ia akan dikekalkan kerana kerajaan tidak mahu kempen terlalu lama sehingga boleh menimbulkan ketegangan di kalangan rakyat.

"Kempen panjang didapati tidak sihat dan mewujudkan banyak ketegangan seperti berlaku pada pilihan raya umum 1969 yang berakhir dengan peristiwa berdarah 13 Mei. Tempoh kempen pada tahun itu ialah enam minggu," katanya.

Berhubung semakin ramai pengundi baru ketika urusan Pendaftaran Pemilih 1999, beliau berkata kebanyakan pengundi baru itu adalah penyokong BN dan ia tidak menimbulkan sebarang masalah kepada gabungan itu.

Mengenai kesediaan Pas menggugurkan slogan negara Islamnya sebagai tolak

ansur dengan DAP, Dr Mahathir berkata parti itu nampaknya sedia gugurkan perjuangan Islam mereka kerana patuh kepada kehendak DAP.

Dalam sidang akhbar itu, Dr Mahathir turut mengumumkan pelantikan Ketua Menteri Sabah, Datuk Osu Sukam sebagai Pengerusi BN Sabah, menggantikan Tan Sri Bernard Dompok, manakala Menteri Penerangan, Tan Sri Mohd Khalil Yaakob, kekal menerajui BN Pahang.

Selain itu, sebuah jawatankuasa Pusat yang dipengerusikan oleh Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, dibentuk bagi membuat persiapan perayaan ulang tahun ke-25 BN tahun ini. BN ditubuhkan pada Mei 1974.

Setiausaha Agung BN, Datuk Mohamed Rahmat dilantik sebagai setiausaha, manakala Tun Daim Zainuddin selaku bendahari. Jawatankuasa itu turut dianggotai semua pemimpin parti BN.

(END)